

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

NO. SOALAN : 471

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Sungai Gemuruh Kg. Nyiur Paka.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini adalah dibawah pelaksanaan Kementerian Kerja Raya. Mengikut maklumat yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kerja Raya, tarikh milik tapak bagi projek Menaiktaraf/Mengganti Jambatan Sedia ada di FT003/448/60 Dungun, Terenganu (Sg. Gemuruh) adalah pada 10 Oktober 2017 dan tarikh siap semasa adalah pada 16 Julai 2020. Kemajuan fizikal di tapak sehingga 20 Februari 2019 adalah 29% (Jadual) berbanding 25% (Sebenar).

Faktor berlaku kelewatan adalah disebabkan oleh pengalihan utiliti dan pihak JKR sedang membuat penyelarasan dengan pihak utiliti serta kontraktor bagi mengatasi kelewatan yang berlaku. Kerja-kerja cerucuk jambatan telah dimulakan pada Mac 2019.